

Unit 4: TEKNOLOGI PERTANIAN

SILA LENGKAPKAN TEMPAT KOSONG DENGAN PILIHAN JAWAPAN YANG DIBERIKAN.

MAKSUD PERTANIAN BANDAR

teknologi moden	sumber makanan	guna semula	rumah pangsa
ruang terhad	baja kompos	secara bertingkat	konvensional
menegak	kreatif	bercucuk tanam	pendapatan sampingan

Pertanian bandar merupakan aktiviti _____ bagi menghasilkan tanaman makanan di sekitar rumah yang mempunyai _____.

Penanaman dijalankan sama ada secara _____ atau dengan menggunakan _____. Contoh ruang yang terhad untuk bercucuk tanam terdapat di kediaman adalah seperti _____, kawasan tanah lot, kondominium dan rumah teres.

Pertanian bandar dijalankan dengan pelbagai cara bagi menyesuaikan kawasan yang ada dan menjimatkan ruang. Antaranya menyusun tanaman _____ pada dinding, menyusun tanaman berpasu di halaman dan menyusun tanaman secara _____.

Susunan pokok dan bekas tanaman yang dibuat secara _____ menjadikan kawasan persekitaran kelihatan cantik dan menarik.

KEBAIKAN PERTANIAN BANDAR

Terdapat beberapa kebaikan pertanian bandar:-

1. Menghasilkan _____ sendiri
2. Memelihara alam sekitar dengan menggunakan bahan _____ sebagai bekas tanaman
3. Menjadikan sisa buangan dapur sebagai _____.
4. Menjanakan _____ jika hasil tanaman dijual